

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Istilah merupakan perkataan atau paduan perkataan-perkataan yang dibina bagi membawa makna khusus yang disepakati penerimaannya dalam bidang-bidang tertentu (Mahmud 'Akka:syat 2005:202). Setiap perkataan ada maknanya dan setiap makna perlu jelas dan terperinci agar ia dapat difahami oleh orang yang menggunakan bahasa selain bahasa perkataan tersebut. Justeru itu makna dan menentukan padanan makna merupakan elemen penting dalam menentukan keberkesanan hubungan komunikasi seorang penutur bahasa dengan penutur bahasa yang lain. Memandangkan peri pentingnya sesuatu makna bagi setiap perkataan maka penulis tertarik untuk menjalankan kajian berkaitan masalah padanan makna Arab-Melayu dengan mengambil bidang kekeluargaan dan kemasyarakatan sebagai sampel kajian.

1.1 Permasalahan Kajian

Terdapat di kalangan pakar bahasa yang menggambarkan bahawa setiap leksikal di dalam sesuatu bahasa mempunyai padanan makna yang setara dengannya dalam bahasa lain. Namun begitu, mereka mengakui walaupun terdapat persamaan dalam pengkelasan leksikal-leksikal mengikut medan makna tertentu, masih terdapat kesukaran untuk menentukan padanan makna bagi sesuatu leksikal bagi sesuatu bahasa dalam bahasa lain. Memang sukar walaupun tidak mustahil untuk mencari padanan makna yang tepat bagi sesuatu perkataan, namun apa yang menjadi persoalannya ialah adakah terjemahan sesuatu bahasa itu menampilkan padanan makna yang paling hampir dengan makna bahasa sumber.

Situasi sebegini banyak berlaku termasuk dalam istilah-istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan terutama yang berkaitan dengan gender di mana dalam bahasa Arab perbezaan gender banyak mempengaruhi perbezaan penggunaan istilah. Sebagai contoh, istilah ‘‘ammun’ dan ‘kha:lun’ diterjemah hanya sebagai ‘bapa saudara sebelah ayah’ dan ‘bapa saudara sebelah ibu’. Tiada satu perkataan dalam bahasa Melayu yang sepadan dan dapat memberikan definisi yang tepat bagi kedua-dua perkataan di atas. Begitu juga di dalam bahasa Melayu, perkataan ‘beta’ hanya diterjemahkan sebagai ‘ana:’ dalam bahasa Arab. Tiada padanan yang setara bagi perkataan

tersebut dalam bahasa Arab. Begitu juga keadaannya dari aspek menentukan istilah warna. Sebagai contoh warna biru keduduk, hijau pucuk pisang, merah delima dan kuning jagung tidak mempunyai istilah yang sepadan maknanya istilah-istilah tersebut (Istilah Warna Berilustrasi 2004:xix). Hal ini mungkin berlaku kerana beberapa faktor. Antaranya ialah perbezaan budaya di antara bahasa di mana istilah-istilah tersebut hanya wujud dalam konteks budaya sesuatu masyarakat dan tidak wujud dalam budaya masyarakat lain.. Fenomena kebahasaan inilah yang menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian bagi menerokai dengan lebih mendalam mengapakah fenomena ini terjadi dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan ia terjadi. Seterusnya ciri-ciri yang terdapat pada leksikal-leksikal yang terbabit dalam fenomena ini.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilihat penting daripada beberapa sudut:

a) Sudut linguistik

Terdapat pelbagai pendapat di kalangan para sarjana linguistik mengenai fenomena padanan makna. Ada yang mengakui kewujudan padanan makna yang tepat dan ada pula yang mengatakan adalah mustahil untuk mendapatkan padanan makna yang tepat bagi sesuatu istilah. Justeru, kajian terhadap pandangan-pandangan tersebut harus dilakukan bagi menentukan pandangan mana yang lebih bertepatan dengan realiti.

b) Sudut terjemahan

Kajian ini perlu bagi membantu para penterjemah dalam mencari padanan makna yang lebih atau hampir tepat dan ringkas bagi sesuatu kata atau istilah. Ini penting kerana kesilapan dalam menterjemah sesuatu istilah akan menyebabkan berlakunya kesilapan dalam pemahaman dan penerimaan oleh pembaca dan pendengar bahasa yang diterjemahkan itu.

c) Sudut leksikografi

Kajian ini juga penting bagi membantu ahli perkamusan dalam menyusun entri dan memasukkan sesuatu kata sebagai unsur leksikal ke dalam sesebuah kamus. Ia juga membantu para pembaca kamus untuk mencari padanan makna yang sesuai bagi istilah-istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan sebagaimana yang disebut dalam pendahuluan Kamus Inggeris-Melayu Dewan:

“...banyak perhatian diberikan kepada bezaan makna, terutamanya bezaan makna perkataan berpolisemi, untuk membantu pembaca, antara lain, mencari padanan makna yang sesuai, membezakan satu makna atau satu homograf daripada yang lain, dan menggunakan perkataan yang dicarinya dengan cara yang betul” (Johns, A.H dan D.J. Prentice 1992:104)

d) Sudut pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kajian ini juga perlu bagi mencari alternatif yang sesuai bagi mereka yang mengalami kesukaran dalam memahami dan memberi kefahaman tentang konsep, ciri-ciri dan pengkelasan padanan makna dalam bahasa Arab. Boleh jadi satu perkataan dan istilah mempunyai dua atau lebih makna. Justeru seseorang yang ingin mengajar sesuatu bahasa kepada para pelajarnya harus menguasai sesuatu bahasa itu termasuk dari segi padanan maknanya agar apa yang difahami selari dengan apa yang disampaikan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi beberapa objektif. Antaranya:

- a) Mengkaji tentang padanan makna dalam ilmu semantik serta perbincangan para ahli linguistik mengenainya. Hasilnya akan memperlihatkan sejauh mana mereka membincangkan fenomena ini dan kepentingannya dari sudut pandangan mereka.
- b) Menyediakan satu perbandingan di antara istilah-istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan Arab dan Melayu yang dilihat mempunyai padanan makna atau sebaliknya.
- c) Menghuraikan ciri-ciri leksikal yang menimbulkan masalah kepada pengguna kedua-dua bahasa dari segi mencari padanan makna yang sesuai bagi leksikal-leksikal tersebut.

- d) Mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan padanan makna dalam istilah-istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan Arab dan Melayu.

1.4 Batasan Kajian

Kajian padanan makna dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu ini akan menyentuh tentang definisi padanan makna, persoalan kewujudan dan ketepatan padanan makna di dalam kedua-dua bahasa, faktor-faktor yang menyebabkan kesukaran mendapatkannya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Dalam menjalankan kajian mengenai padanan makna ini, pengertian padanan makna dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, pengertian padanan makna di kalangan sarjana linguistik dan perbincangan mereka mengenainya akan disentuh. Kajian ini juga akan melihat sejauh mana persoalan padanan makna dikaji oleh para sarjana linguistik.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada fenomena padanan makna yang ditinjau dari sudut istilah-istilah hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam kedua-dua bahasa. Ia termasuk juga istilah-istilah kata panggilan keluarga, bentuk-bentuk sapaan serta istilah-istilah yang berkaitan dengan kehidupan sosial masyarakat sama ada berkaitan makanan, pakaian dan

peralatan. Dalam konteks perbandingan padaan makna istilah dalam masyarakat Melayu dengan Arab juga penulis turut menyentuh beberapa istilah yang dipinjam terus dari bahasa Arab. Kedua-dua sudut kekeluargaan dan kemasyarakatan menjadi pilihan skop kajian kerana hubungan nilai yang masih kukuh dalam masyarakat penutur kedua-dua bahasa yang mewujudkan banyak istilah dalam kedua-dua bidang yang boleh dikaji.

1.5 Metodologi Kajian

Berdasarkan tajuk yang dipilih, kajian ini hanya tertumpu kepada penyelidikan perpustakaan. Bagi memenuhi keperluan kajian, data-data dari Kamus Besar Arab Melayu Dewan edisi pertama (KBAMD) akan digunakan sebagai rujukan utama pengumpulan manakala untuk kamus ekabahasa Arab pula, penulis menggunakan kamus al-Munjid sebagai rujukan untuk mengumpul data yang berkaitan. Kedua-dua kamus ini dipilih kerana KBAMD merupakan kamus Arab-Melayu yang terkini serta dilihat memiliki entri terbanyak berbanding kamus-kamus Arab-Melayu lain. Al-Munjid pula mempunyai ciri-ciri kamus tradisi dan semasa. Begitu juga dengan Kamus al-Sihhah. Di samping itu, buku-buku mengenai linguistik Arab dan Melayu juga akan digunakan sebagai rujukan sampingan bagi kajian ini.

Segala data yang dikumpul akan dikaji dan difahami sebelum diolah. Pengolahan data dalam penyelidikan ini berbentuk kontrastif. Setiap bahan

yang berkaitan dengan tajuk kajian akan dibaca dan dicatat maklumat-maklumat yang relevan. Seterusnya, pendekatan perbandingan akan digunakan dalam menganalisis maklumat-maklumat tersebut. Proses ini bertujuan mendapatkan data yang lengkap, selari dan tepat. Daripada pengamatan terhadap data terkumpul serta analisis yang dijalankan, kesimpulan bagi keseluruhan kajian dihasilkan. Seterusnya data-data serta kesimpulan tersebut disusun dalam bab-bab yang khusus.

1.6 Tinjauan Kajian Berkaitan

Melalui tinjauan yang dilakukan, terdapat beberapa kajian yang dilihat mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Di antaranya ialah satu dapatan pemerhatian dan soal selidik yang bertajuk *Sistem Panggilan Dalam Keluarga Melayu*. Kajian ini telah dijalankan dan didokumentasikan oleh sekumpulan penyelidik yang terdiri daripada Hashimah bt. Jalaluddin selaku ketua projek, Harishon bt. Radzi, Maslinda bt. Yusof, Sa'diah bt. Ma'alip dan Raja Masittah bt. Raja Ariffin. Kajian ini berusaha mengetengahkan gagasan sistem panggilan dalam masyarakat Melayu, iaitu kata panggilan keluarga. Melalui pemerhatian yang telah dijalankan, dapat dirumuskan bahawa sistem panggilan keluarga dalam masyarakat Melayu telah banyak berubah daripada ungkapan tradisi kepada yang moden kesan pengaruh asing. Justeru melalui beberapa kata panggilan yang diutarakan,

penulis mendapat maklumat dan cetusan untuk membandingkannya dengan bentuk panggilan dalam bahasa Arab.

Selain kajian yang telah disebutkan, disertasi Sarjana oleh Radzuan b. Ahmad yang bertajuk *Kajian Medan Maklumat di Dalam al-Mu'jam al-Wasit* juga dilihat mempunyai kaitan dengan kajian penulis. Disertasi ini mengkaji tentang makna dan konsep sesuatu yang dipersembahkan oleh kamus tersebut. Ia sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada penulis tentang bagaimana hendak menganalisa sesuatu istilah dari sudut maknanya. Ia juga menyentuh beberapa kaedah mengenai masalah makna seperti takrif, sinonim, antonim, polisemi, homonim, peraturan, perbandingan, penyatuan dan pecahan.

Disertasi Sarjana oleh Abdul Hadi Abdullah yang bertajuk *Kajian Makna Dalam Penterjemahan* pula dilihat lebih hampir dengan kajian yang akan dilakukan. Ia menyingkap mengenai persoalan makna dalam penterjemahan dengan menghuraikan jenis-jenis makna serta tafsirannya yang diselaraskan dengan faktor-faktor bukan linguistik di samping faktor-aktor linguistik (semantik). Beliau juga cuba menerapkan 'Teori Relevans' oleh Sperber & Wilson yang menekankan konteks, kesan konteks dan kos proses sebagai teras utama dalam penginterpretasian makna.

Selain itu, penulis juga mendapat sedikit sebanyak maklumat daripada kajian yang dijalankan oleh Abdul Basir Awang di dalam disertasi beliau yang bertajuk *Ketidakbolehterjemahan Katawi dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu*.

Antara lain kajian tersebut menumpukan antara titik perbezaan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Namun begitu, ia tidak menafikan perbincangan tentang persamaan yang wujud dalam kedua-dua bahasa. Perbandingan di dalamnya lebih memfokuskan kepada bahasa dan budaya. Perbezaan yang wujud antara kedua-dua bahasa dan budaya inilah yang melahirkan bahasa yang tidak boleh diterjemahkan secara katawi.

Di samping itu, perbezaan ini sebenarnya merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh setiap bahasa, berbeza antara satu sama lain. Ia juga menekankan kepada terjemahan makna dan lafaz. Suatu terjemahan Arab-Melayu tidak dikira bersifat katawi sekiranya terdapat kekurangan dari segi makna dan lafaz perkataan.

Berbeza dengan bahasa-bahasa lain yang mementingkan perpindahan makna semata-mata. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa dan budaya tidak dapat diterjemahkan secara katawi. Oleh itu, peminjaman perkataan adalah suatu kaedah yang sesuai untuk pemindahan istilah-istilah keagamaan, konsep budaya dan bahasa. Penciptaan pelbagai istilah baru untuk kosa kata

Arab hanya sesuai untuk istilah-istilah yang tidak melibatkan konsep keagamaan. Manakala perkataan-perkataan yang berkonsep keagamaan, ia perlu meminjam dari segi sebutan dan makna. Justeru itu, sistem transliterasi merupakan kaedah yang baik unuk panduan bagi mereka yang mempelajari bahasa Arab.

1.7 Rangka Kajian

Penulisan disertasi ini akan dibahagikan kepada lima bab. Setiap bab akan dipecahkan kepada perbincangan-perbincangan yang lebih terperinci.

Bab pertama merupakan pengenalan kepada disertasi ini. Perkara-perkara yang disentuh dalam bab ini meliputi latar belakang masalah yang dikaji, permasalahan yang perlu dikaji, kepentingan kajian yang dijalankan, objektif kajian, metodologi penyelidikan yang digunakan dan batasan kajian. Selain itu, ia turut memperkatakan mengenai tinjauan kajian yang berkaitan dengan tajuk disertasi, tujuan kajian dijalankan dan akhir sekali rangka kajian.

Dalam bab yang kedua, penumpuan diberikan kepada kajian dan pembahagian secara umum. Kemudian penulis mengecilkan lagi skop perbincangan kepada kajian medan makna. Perkara-perkara yang akan disentuh termasuklah teori dan konsep dalam kajian medan makna, pembahagiannya, pendapat para ahli linguistik mengenai kewujudan medan

makna, faktor-faktor yang menyebabkan ia wujud serta kepentingannya dalam menentukan padanan makna bagi sesuatu kata atau istilah.

Tahap ketepatan makna sesuatu istilah juga dibincangkan. Selain itu aspek budaya yang merupakan antara faktor utama yang membawa kepada masalah padanan makna turut dikupas.

Kajian mengenai padanan makna istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam bahasa Arab dan Melayu pula disentuh dalam bab ketiga. Ia merangkumi pengumpulan contoh-contoh leksikal berkaitan kekeluargaan yang menimbulkan masalah dalam menentukan padanan makna baginya dalam bahasa Melayu. Begitu juga sebaliknya leksikal-leksikal kekeluargaan dalam bahasa Melayu yang agak sukar untuk dipadankan maknanya dalam bahasa Arab. Masalah tersebut akan dihurai dan cadangan akan diberikan bagi mendapatkan padanan makna yang lebih tepat dan ringkas.

Bab keempat pula akan membawakan contoh-contoh leksikal kekeluargaan dan kemasyarakatan yang telah dikumpul yang menimbulkan kesukaran dalam menentukan padanan maknanya dalam bahasa Arab. Leksikal-leksikal itu akan dianalisis dan dihurai. Seterusnya faktor-faktor yang membawa kepada fenomena padanan makna ini akan disentuh.

Akhir sekali bab kelima, yang merupakan penutup di mana rumusan dan kesimpulan akan dikemukakan melalui kajian yang telah dijalankan dan cadangan-cadangan yang dirasakan relevan dan penting akan dikemukakan.

1.8. Kesimpulan

Kajian ini diharap dapat memperlihatkan kepentingan makna dan kesukaran menentukan padanan makna dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Oleh yang demikian setiap pengguna bagi kedua-dua bahasa Melayu dan Arab harus berhati-hati dalam menentukan sesuatu padanan makna bagi sesuatu istilah. Ia juga diharap dapat memberi sedikit panduan kepada para pembaca yang ingin mendalami dan memperluaskan maklumat mengenai bidang ilmu leksikologi.